

19 JUNE 2004

Sukan-GT Jepun (Perlumbaan)/I

DUFOUR-COUTO RAIH KEMENANGAN SULUNG GT JEPUN

SEPANG, 19 Jun (Bernama) -- Gandingan pemandu Peranchis-Portugis, Jeremie Dufour dan Andre Couto dari Toyota Team Sard meraih kejuaraan sulung dalam Kejohanan GT Jepun selepas memenangi pusingan Malaysia yang berlangsung di Litar Sepang, di sini hari ini.

Dufour dan Couto yang menggunakan kereta Toyota Supra memulakan perlumbaan di petak ketujuh selepas menduduki tempat ke-13 perlumbaan kelayakan semalam, menduduki tempat pertama sejak dari lap ke-45.

Pasangan yang menyertai kelas GT500 GT Jepun buat kali pertama tahun ini, menamatkan perlumbaan dalam masa satu jam 53 minit 47.096 saat pada jarak sejauh 299.268km.

Pemandu yang bermula di petak pertama, pemandu Peranchis Benoit Truleyer dan Yuji Ide dari Jepun yang membawa kereta Nissan Fairlady Z bersaing rapat dengan Toyota Supra yang dikendali Takeshi Tsuchiya dan Marco Apicella, sebelum terkeluar akoran perlanggaran dengan dua buah kereta lain pada lap ke-32.

Kemenangan hari ini memberikan 33 mata kepada Dufour dan Couto dan untuk mereka berkongsi sebagai pendahulu kejohanan bersama Yuji Tachikawa-Seiji Ara dan Satoshi Motoyama-Richard Lyons.

"Saya gembira dengan kemenangan ini. Ia keputusan baik buat pasukan kami dan ia menaikkan semangat kami untuk mengharungi pusingan seterusnya," kata Dufour, pemandu berusia 28 tahun yang pernah menjadi pemandu uji pasukan Formula Satu, Arrow pada 1996.

Tempat kedua kelas GT500 diduduki oleh pasangan Jepun Naoki Hattori dan Shigekazu Wakisaka yang memandu kereta Toyota Supra manakala pemenang pusingan pertama, Motoyama dan Lyons dari Nismo di tempat ketiga.

Pasukan dari Kuala Lumpur, Amprex Motorsports, sekadar menduduki tempat ke-12 dengan kereta Lamborghini Murcielago R-GT mereka yang dipandu pemilik pasukan Genji Hashimoto dan pasangannya Norman Simon dari Jerman.

"Saya gembira dengan persembahan kami...pujian harus diberikan

kepada

Norman yang memecut baik untuk memastikan kami tidak tercorot," kata Hashimoto.

Kelas GT300 pula dimenangi oleh Shinichi Yamaji dan Hiroyuki Iiri dari pasukan Re Amemiya Racing yang memandu Mazda RX-7.

Pemandu M-Tec, Tetsuya Yamano dan Hiroyuki Yagi di tempat kedua manakala tempat ketiga milik Tetsuji Tamanaka dan Go Mifune dari Team Mach.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Azalina Othman Said menyampaikan hadiah kepada para pemenang GT Jepun manakala bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah bagi perlumbaan Malaysian Super Series.

Kejohanan GT Jepun Malaysia ini adalah pusingan ketiga daripada kejohanan tujuh pusingan itu dengan pusingan terakhir di Litar Suzuka pada November ini.

-- BERNAMA

HRS VP MOZ